

75
SOALAN NO.: 31

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN : LANGKAWI
TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian bercadang mewujudkan garis panduan pengawalan bahu jalan, agar dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, kita ambil contoh pengawalan bahu-bahu jalan yang dilaksanakan oleh negara jiran, Thailand, mereka mengawal bahu-bahu jalan agar jalan kelihatan lebih besar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan isu pengawalan bahu jalan di Malaysia, satu modul iaitu Arahan Teknik Jalan (8/86) – Garis Panduan Rekabentuk Geometrik Jalan telah diterbitkan oleh JKR. Di dalam Arahan Teknik Jalan (8/86) telah menyatakan bahawa kelebaran bahu jalan yang ditetapkan adalah di antara 1.0 meter sehingga 3.0 meter dengan kelebaran bahu jalan berturap adalah di antara 0.5 meter ke 1.0 meter.

Di samping itu, pihak KKR dan JKR telah menerbitkan Arahan Teknik (Jalan) 3/2011- Garis Panduan Untuk Memproses Pembangunan Tepi Jalan Persekutuan sebagai garis panduan di dalam usaha untuk memastikan bahu jalan dan rezab jalan tidak dicerobohi sekaligus mengurangkan risiko kemalangan di sepanjang bahu jalan persekutuan di negara ini.

Penguatkuasaan garis panduan ini dimasukkan ke dalam setiap permohonan pemajuan pembangunan sebagai syarat wajib yang perlu dipatuhi oleh setiap pemaju/syarikat di sepanjang jalan persekutuan di Malaysia. Di mana garis panduan yang ditetapkan adalah berdasarkan jenis hierarki jalan di satu-satu lokasi.

Sekian, terima kasih.